

Sambutan Hari Keluarga Ria SMR II meriah



Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Mohamad Azmi Awang Damit

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 7 Jun. - Sambutan Hari Keluarga Ria merupakan salah satu Program Outreach yang dirancang oleh pihak Sekolah Menengah Rimba (SMR) II, yang melibatkan komuniti sekeliling terutama seluruh warga sekolah, ibu bapa dan penjaga bagi menyebarkan ilmu, maklumat

AHLI Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin yang juga selaku Penghulu Mukim Gadong 'A' merasmikan Majlis Sambutan Hari Keluarga Ria Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG), Sekolah Menengah Rimba (SMR) II.

serta mengendalikan aktiviti kemasyarakatan untuk mengeratkan



AKTIVITI lumba lari dalam kain sarung turut memeriahkan lagi Majlis Sambutan Hari Keluarga Ria PIBG SMR II.

hubungan sekolah dengan ibu bapa dan masyarakat sekeliling.

Pengerusi Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG), SMR II, Dr. Awang Haji Supry bin Haji Awang Ladi menjelaskan perkara itu pada Majlis Sambutan Hari Keluarga Ria PIBG SMR II yang berlangsung di Dewan SMR II, Rimba.

Katanya, sambutan kali ini melibatkan 13 acara sukan ria yang bercorak kekeluargaan yang telah dirancang bersama, di samping acara-acara yang menarik seperti permainan *bouncer* dan aktiviti jualan dari para ibu bapa dan guru-guru SMR II.

Dengan adanya acara-acara dan aktiviti-aktiviti seperti ini jelasnya akan dapat mencapai tujuan dan hasrat PIBG dan SMR II untuk menyatupadukan semua keluarga dengan rasa kasih sayang dan harmoni.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin yang juga selaku Penghulu Mukim Gadong 'A'.

Sambutan turut dimeriahkan dengan beberapa aktiviti sukan termasuk acara senamrobik dan pelbagai pertandingan dibukakan kepada para penuntut dan ibu bapa.

Antara tujuan sambutan ialah untuk menyahut titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, selain memupuk semangat kekeluargaan dalam kalangan para penuntut, ibu bapa serta warga sekolah dan memberikan mereka ruang dan masa yang berkualiti untuk saling kenal mengenali.



AHLI MN, Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bergambar ramai bersama ibu bapa dan pelajar-pelajar.

HALUAN

Bagi menjana kemajuan mukim dan kampung Bawa perubahan bermakna

Dari muka 2

mereka selaku orang-orang yang dihormati.

Negara InsyaaAllah akan terus menikmati kehidupan aman, selamat dan harmoni, selagi mukim dan kampung masih mempunyai penghulu dan ketua yang memiliki karisma dan kepimpinan berhibawa. Ini bukan pujian tetapi peringatan, bahawa para penghulu dan ketua serta agensi-agensinya yang berkenaan adalah mempunyai tanggungjawab besar untuk memedulikan anak-anak buah masing-masing tanpa memilih-milih.

Dalam pemberian khidmat kepada mereka ini seharusnya tidaklah ada berlaku sikap membeza-beza. Kita mesti melayani mereka dengan sama rata," demikian titah baginda.

Pada kesempatan di hari bahagia dan bersejarah ini, saya sukacita menyeru abis kita semua supaya akan dapat memberikan kerjasama dan sokongan padu kepada Yang Mulia Penghulu Awang Haji Abdul Rahman bin Merusin, selaku Penghulu Mukim Bangar yang baru dan keluarga beliau di dalam mengekalkan kewujudan suasana harmoni mukim dan akan sentiasa bermuafakat dan sepakat dalam apa jua perkara khususnya dalam usaha-usaha memajukan dan meningkatkan kerjasama mukim dan kampung-kampung di dalamnya

yang sudah berada di tahap baik pada masa ini kepada yang lebih membanggakan, dengannya InsyaaAllah profil Mukim Bangar akan terus terserlah dan tersohor.

Adalah juga diharapkan kepada Yang Mulia Penghulu Awang Haji Abdul Rahman bin Merusin bersama ketua-ketua kampung di dalam mukim akan dapat menggiatkan usaha penuh keprihatinan, keyakinan dan rasa tanggungjawab dalam melayani dan menyelesaikan sebarang apa jua keperluan dan kepentingan anak-anak buah dan masyarakat di mukim ini.

Buat akhirnya, marilah kita semua sama-sama berdoa semoga kepimpinan Yang Mulia Penghulu Awang Haji Abdul Rahman bin Merusin dalam menerajui penduduk dan masyarakat di Mukim Bangar akan sentiasa mendapat rahmat taufiq dan hidayah Allah Subhanahu Wata'ala. Dengannya kemajuan-kemajuan dihasratkan akan tercapai dan kesejahteraan, keamanan serta keselamatan Mukim Bangar akan terus dinikmati berpanjangan. InsyaaAllah.

Sehkan.

Wabillahit Taufiq Walhidayah, Wassalamu'Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Penerapan kemahiran perniagaan kurangkan pengangguran

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 28 Mei. - Bengkel Keusahawanan selama empat hari bermula 25 Mei yang lalu melabuhkan tirainya dengan penyampaian sijil kepada para peserta bengkel. Seramai 16 peserta terdiri daripada Alumni Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) telah menyertai bengkel tersebut yang bertempat di Sekolah Perdagangan Brunei.

Bengkel tersebut dianjurkan oleh Jawatankuasa Alumni UNISSA dengan kerjasama Unit Perkhidmatan Kaunseling dan Bimbingan Kerjaya UNISSA merupakan satu inisiatif yang cukup bermanfaat oleh pihak UNISSA bagi mengurangkan peratus pengangguran melalui penerapan kemahiran perniagaan.

Pihak UNISSA telah memberikan subsidi lebih dari 50 peratus untuk pembayaran yuran bengkel berkenaan dalam sama-sama menarik minat para graduan lepasan universiti berkenaan untuk mengikuti bengkel tersebut. Bengkel tersebut dikendalikan oleh pihak LiveWIRE Brunei.

Turut hadir di majlis penyampaian sijil tersebut ialah Senior Business Counselor LiveWIRE Brunei, Awang Mohd. Fadhlullah Tudin bin Haji Hassan dan Pengerusi Alumni UNISSA, Awang Haji Abdul Rashid bin Awang Haji Damit.

Pelbagai modul telah disediakan selama empat hari kursus tersebut dijalankan, antaranya ialah Islamic Finance, Ke Arah Usahawan Islam yang Berjaya, Sources of Banking & Finance, Sales & Marketing dan Business Owner Risk Management.

Bengkel tersebut memberikan peluang kepada beberapa orang peserta yang memberikan pandangan yang positif selepas mengikuti bengkel.

"Realiti bagi peniaga kecil yang menggunakan pemasaran secara atas talian (*online*) ialah sayalah boss dan sayalah kuli, akan tetapi dengan kesungguhan serta kerja keras, dan tidak takut untuk mengambil risiko, di samping berdoa ke hadirat Allah Subhanahu Wata'ala, kita semua boleh berjaya dan menjadi boss bagi perniagaan masing-masing," menurut Dayang Siti Nur Zuhaidah binti Haji Abdullah.

"Biarlah bersusah dahulu, InsyaaAllah senang di kemudian hari," komen salah seorang peserta, Dayang Siti Nur Azua yang telah memulakan perniagaan secara kecil-kecilan selepas tamat pengajian di UNISSA.

Bengkel ini dibukakan khusus untuk graduan-graduan lepasan UNISSA, iaitu para alumni dan juga pelajar-pelajar tahun akhir di universiti berkenaan. Antara objektif bengkel ini ialah pendedahan secara teori mengenai selok belok perniagaan termasuklah pendaftaran nama syarikat, perbankan, pengurusan pekerja, pengurusan wang keutungan, pinjaman bank dan ke arah melahirkan usahawan Islam yang berjaya.

Pihak penganjur bercadang untuk mengadakan lebih banyak bengkel keusahawanan di masa akan datang dan akan mengadakan kerjasama di antara agensi-agensinya yang berkenaan bagi memudahkan para peserta memulakan perniagaan mereka.